




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/3/2013

MUKA 4 • UTUSAN MALAYSIA



## Pencerobohan Berdarah di Sabah

Laporan TARMIZI ABDUL RAHIM, ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, HISYAMUDDIN AYUB, ASSIM HASSAN, ROSMAWATI SALIHIN, ALFEY CHESTER  
Jurugambar AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN, RIDUAN RIZAL AHMAD, AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

# Akta Keselamatan: 91 ditahan dalam Ops Daulat

UM - 11/3/2013

LAHAD DATU 10 Mac - Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan seramai 91 orang di bawah Seksyen 130 (c) Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dalam Ops Daulat di Kampung Tanduo dan Tanjung Batu termasuk enam orang di Semporna sehingga setakat hari ini.

Pasukan itu turut menahan 66 individu kerana didapati memasuki

kawasan operasi di sekitar Kampung Tanduo dan Tanjung Batu yang merupakan kawasan larangan pada hari ini.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib berkata, daripada jumlah 66 orang yang ditahan, seramai 27 individu telah ditangkap di dalam tiga buah bot berhampiran pesisir pantai Tanjung Batu di sini semalam.

"Tangkapan yang dibuat di ba-

wah SOSMA akan diserahkan kepada Jabatan Siasatan Jenayah negeri. Operasi pihak keselamatan diteruskan di dua kawasan utama di Kampung Tanduo serta Tanjung Batu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa rakyat Filipina ditembak di Sandakan, Hamza menegaskan, perkara tersebut sama sekali tidak berlaku.

Katanya, fokus pihak keselamatan dalam Ops Daulat hanya melibatkan sekitar Kampung Tanduo dan Tanjung Batu.

Sehubungan itu katanya, tidak timbul isu pihak keselamatan negara melakukan tembakan seperti yang didakwa dan orang ramai juga tidak perlu bimbang tentang keselamatan mereka.

"Keadaan di daerah ini juga dilihat semakin pulih dan sekolah-se-

kolah yang ditutup sebelum ini akan mula dibuka esok," katanya.

Sementara itu, Hamza mengesahkan masih terdapat mayat-mayat pihak musuh yang belum dikeluarkan dari lokasi pembersihan dan pencarian.

Katanya, kepungan masih dilakukan oleh pihak keselamatan di kawasan operasi ekoran kejadian berbalas tembakan yang berlaku pukul 8 malam tadi sehingga pukul 4 pagi ini.